

# Pantau 15,000 premis elak denggi

Sinar Harian 11/04/2010 M/S 55

**SHAH ALAM** - Sebanyak 374 kes demam denggi di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dilaporkan bermula Januari hingga Mac tahun ini melibatkan 347 kes disahkan positif demam denggi (DD) manakala, 27 lagi demam denggi berdarah (DDB).

Seksyen 7, Seksyen 13 dan Seksyen 25 adalah antara kawasan yang mencatatkan laporan bilangan kes demam denggi tertinggi di kawasan pentadbiran MBSA.

Pegawai Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, MBSA mengambil langkah proaktif menangani masalah peningkatan demam denggi di kawasan pentadbirannya selaras dengan arahan kerajaan bagi mengawal jangkitan demam denggi.

"MBSA mengadakan operasi dari rumah ke rumah melibatkan Seksyen 6, 25, 27, 28, U1 dan U6, pelbagai program pencegahan diadakan antaranya aktiviti gotong-royong di Kampung Kebun Bunga dan Flat Seksyen 28 serta pameran di Seksyen 7.

"Sepanjang tempoh tersebut, MBSA telah membuat pemantauan dan mengadakan pemeriksaan di 15,000 premis seperti rumah kediaman, kedai, sekolah, kilang, tadika, tapak binaan, projek perumahan terbengkalai, tempat



● Aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kediaman mampu menangani masalah denggi di kawasan kediaman.

pembuangan sampah, taman permainan dan rekreasi serta tempat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes," katanya.

Shahrin berkata, hasil pemeriksaan mendapati banyak premis positif menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes dan MBSA telah mengeluarkan 365 kompaun di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKT 1976) dan

kesalahan ini boleh dikenakan kompaun sebanyak RM500.

"Sepanjang tempoh itu juga, MBSA telah membuat semburan kabus (fogging) di 222,403 premis antaranya pada minggu lalu di Seksyen 6, Seksyen 7, Seksyen 25, Seksyen 28, Seksyen 28, Seksyen U5 dan Seksyen U6 untuk mengawal pembiakan nyamuk Aedes," katanya.

Menurutnya, punca utama ber-

lakunya pembiakan nyamuk Aedes adalah kerana sikap cuai masyarakat yang tidak mengawal selia tangki penyimpanan air, koridor dan gutter di kawasan premis mereka sehingga menyebabkan air bertakung.

Beliau berkata, bagi memastikan jangkitan demam denggi ini sentiasa terkawal, pihak MBSA telah mengambil beberapa langkah proaktif seperti membuat dua jenis semburan kabus iaitu *Thermal Fogger* dan *Ultra Low Volume (ULV)*, membuat pemantauan dan lawatan pemeriksaan secara berterusan untuk memastikan premis tidak menjadi tempat pembiak nyamuk Aedes.

Selain itu katanya, pihak MBSA menggalakkan penduduk mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kediaman seperti membersihkan longkang, semak samun, ceramah dan sesi dialog untuk berbincang berhubung bahaya nyamuk Aedes dan langkah pencegahan serta menggalakkan penjualan abate di tempat-tempat awam.

"MBSA serius dalam menangani masalah nyamuk Aedes dan berharap mendapat kerjasama warga kota Shah Alam untuk bersama-sama berganding bahu bagi memastikan Shah Alam bebas daripada penyakit demam denggi ini.

"MBSA mengalu-alukan majikan yang menempatkan pekerjaanya melibatkan warga asing di kawasan flat yang dijadikan asrama untuk bekerjasama dengan MBSA dalam mencegah denggi kerana budaya mereka sangat berbeza dengan rakyat tempatan terutamanya aspek kebersihan," katanya.

Shahrin berkata, MBSA juga bersedia bekerjasama dengan pemilik kilang di sekitar Shah Alam untuk memberikan ceramah dan pameran berhubung cara mencegah pembiakan nyamuk Aedes dan sebagainya.

"Pada masa yang sama pihak MBSA juga memohon kepada orang ramai supaya dapat mengambil masa hanya 10 minit setiap minggu untuk membuat pemeriksaan dan pembersihan di dalam rumah mahupun persekitaran rumah masing-masing," katanya.

Sebarang pertanyaan berhubung aduan demam denggi boleh berhubung dengan Bilik Gerakan Denggi, Jabatan Perkhidmatan Bandar, MBSA menerusi talian 03-55222793.

## INFO

365 kompaun dikeluarkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.